



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Mahkamah Kehakiman (Pindaan)
DR.41/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah
Kehakiman 1964.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan
persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang
bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-
nya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah
Kehakiman (Pindaan) 1984 dan hendaklah mula ber-
kuatkuasa pada 1hb Januari 1985.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa

2. Seksyen 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, yang
disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 3.
Akta 91.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja takrif
“Court” takrif baru yang berikut:

““decision” includes judgment, sentence
or order;” dan

(b) dengan memotong takrif “Judicial Committee”.

3. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipotong.

Pemotongan
seksyen 5.

4. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan memo-
tong perenggan (c).

Pindaan
seksyen 16.

5. Perenggan (b) seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda
dengan menggantikannya dengan yang berikut:

Pindaan
seksyen 24.

“(b) the same jurisdiction and authority in relation
to matters of admiralty as is for the time being
exercisable by the High Court of Justice in
England;”.

21484 — RANG UNDANG-UNDANG

Seksyen
baru 25A.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 25 seksyen baru 25A yang berikut :

“Orders for
interim
payment.

25A. (1) As regards proceedings pending in the High Court, provision may be made by rules of court for enabling the Court in such circumstances as may be prescribed, to make an order requiring a party to the proceedings to make an interim payment of such amount as may be specified in the order, with provision for the payment to be made to such other party to the proceedings as may be so specified or, if the order so provides, by paying it into Court.

(2) Any rules of court which make provision in accordance with subsection (1) may include provision for enabling a party to any proceedings who, in pursuance of such an order has made an interim payment, to recover the whole or part of the amount of the payment in such circumstances and from such other party to the proceedings as may be determined in accordance with the rules.

(3) Any rules made by virtue of this section may include such incidental, supplementary and consequential provisions as may be considered necessary or expedient.

(4) Nothing in this section shall be construed as affecting the exercise of any power relating to costs, including any power to make rules of court relating to costs.

(5) In this section “interim payment”, in relation to a party to any proceedings, means a payment on account of any damages, debt or other sum excluding any costs which that party may be held liable to pay to or for the benefit of another party to the proceedings if a final judgment or order of the Court in the proceedings is given or made in favour of that other party.”.

7. Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 50.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “appeal” dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “by any person convicted or otherwise found guilty or by the Public Prosecutor”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen baru (2) yang berikut:

“(2) Where an accused person has pleaded guilty and been convicted on the plea there shall be no appeal except as to the extent or legality of the sentence.”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (2A) dengan subseksyen baru (2A) yang berikut:

“(2A) Notice of any appeal by the Public Prosecutor shall be given by, or with the consent in writing of, that officer only.”; dan

(d) dengan memotong subseksyen (3A).

8. Subseksyen (1) seksyen 68 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “ten” dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan “one hundred”.

Pindaan
seksyen 68.

9. Akta ibu dan semua undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa adalah dipinda dengan menggantikan ungkapan “Federal Court” di mana jua ianya terdapat dengan ungkapan “Supreme Court”.

Pindaan am.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

2. *Fasal 6* membuat peruntukan supaya kaedah-kaedah mahkamah dibuat bagi membolehkan Mahkamah Tinggi membuat suatu perintah menghendaki suatu pihak kepada mana-mana prosiding yang belum selesai dalam Mahkamah itu supaya membuat pembayaran interim bagi apa-apa amaun sebagaimana ditetapkan dalam perintah sama ada kepada pihak yang lagi satu itu atau ke dalam Mahkamah. Pembayaran interim ditakrifkan dengan erti suatu pembayaran oleh kerana apa-apa ganti rugi, hutang atau lain-lain jumlah wang yang tidak termasuk apa-apa kos yang mana suatu pihak kepada mana-mana prosiding mungkin bertanggungjawab membayar kepada atau untuk faedah pihak yang satu lagi kepada prosiding-prosiding jika suatu penghakiman muktamad atau perintah Mahkamah dalam prosiding-prosiding diberi atau dibuat bagi menyokong pihak yang satu lagi itu.

3. *Fasal 7* bertujuan membolehkan mana-mana orang yang disabitkan atau selainnya didapati bersalah atau Pendakwa Raya membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan terhadap mana-mana keputusan Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidang kuasa jenayahnya yang asal. Pada masa ini seseorang yang disabitkan atau selainnya didapati bersalah hanya boleh merayu terhadap sabitan atau keputusan bersalah atau terhadap hukuman atau terhadap kedua-duanya dan Pendakwa Raya hanya boleh merayu terhadap pembebasan atau hukuman. Perkataan "decision" ("keputusan") sekarang ini ditakrifkan, melalui pindaan yang dibuat dalam *subfasal (a) fasal (2)*, untuk memasukkan penghakiman, hukuman atau perintah sebagai meluaskan skop membuat rayuan yang sekarang ini adalah terhad bagi kedua-dua pihak. Pindaan *fasal 8* bertujuan menaikkan bayaran maksimum dalam perkara-perkara yang tak boleh dirayu memandangkan kepada penghapusan rayuan kepada Majlis Privy dan juga memandangkan kepada keadaan inflasi.

4. *Fasal 2, 3, 4, 5 dan 9* kesemuanya adalah pindaan yang berbangkit. Pindaan dalam *subfasal (a) fasal 2* adalah berbangkit dari pindaan dalam *fasal 7*. Pindaan dalam *subfasal (b)* dalam *fasal* itu dan *fasal 4* adalah selaras dengan penghapusan rayuan-rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy. Pindaan-pindaan dalam *fasal 3 dan 9* adalah berbangkit dari penukaran nama Mahkamah Persekutuan kepada Mahkamah Agung dan pindaan dalam *fasal 5* adalah semata-mata bagi maksud mengemaskinikan undang-undang.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1247.]

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membolehkan pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1984.

3. *Fasal 2* bertujuan membolehkan pindaan-pindaan kepada Mahkamah Persekutuan dibuat bagi membolehkan Mahkamah Tinggi membuat suatu perintah mengabdikan suatu pihak kepada mana-mana prosiding yang belum selesai dalam Mahkamah itu supaya membolehkan pembayaran interim bagi apa-apa amanah sebagaimana ditetapkan dalam perintah sedia ada kepada pihak yang lagi satu in statu ke dalam Mahkamah. Pembayaran interim diwajibkan dengan perintah pembayaran oleh kerajaan apa-apa ganti rugi, hutang atau lain-lain jumlah wang yang tidak termasuk apa-apa kos yang mana suatu pihak kepada mana-mana prosiding mungkin bertanggungjawab membayar kepada atau untuk pihak yang satu lagi kepada prosiding-prosiding jika suatu penghakiman maksimum atau perintah Mahkamah dalam prosiding-prosiding diberikan atau dibuat bagi menyokong pihak yang satu lagi itu.